

Mahasiswa usah taksub politik

Ikuti peraturan ditetapkan IPT, selain fokus kepada pengajian masing-masing

BATU PAHAT - Pelajar di institut pengajian tinggi (IPT) di negara ini dinasihatkan tidak terlalu taksub serta obses dengan kancuh politik sehingga sanggup bertindak di luar batasan budaya ketimuran, sebaliknya perlu fokus kepada pengajian masing-masing sehingga mencapai kejayaan.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, pelajar seharusnya menggunakan tempoh pengajian diberikan untuk belajar agar masa depan masing-masing terjamin.

Katanya, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Auku) mempunyai kelonggaran kepada penuntut di IPT melibatkan diri dalam bidang politik, mengikut fahaman masing-masing.

"Bagaimanapun, mereka ini dinasihatkan supaya tidak berlebihan dan segala tindak-tanduk mereka perlulah

mengikut atau berada di dalam undang-undang ditetapkan, termasuklah tidak menceroboh kawasan universiti.

"Kita tidak mahu budaya lompat pagar dan lagak hero ini menular dalam kalangan pelajar. Melihat kepada kejadian di Universiti Malaya (UM) dan Universiti Teknologi Mara (UITM) sebelum yang bertindak melompat pagar dan cuba menceroboh kawasan, itu ternyata bukan budaya kita," katanya pada majlis perasmian Pusat Minda Emas (Pumas) di Dewan Seminar Rafflesia, Tanjung Laboh, di sini, semalam.

Hadir sama, Pengerusi Lembaga Pengarah UTHM, Tan Sri Dr Ir Jamilus Md Hussin dan Naib Canselor UTHM, Prof Datuk Dr Mohd Noh Dalimin.

Beliau berkata demikian ketika ditanya berhubung pengumuman perhimpunan



Idris ketika menandatangani plak perasmian Pumas UTHM di Tanjung Laboh, semalam.

Tangkap MO1 (Malaysian Official 1) pada 27 Ogos ini di Kota Kinabalu, Sabah dan Kuala Lumpur anjuran kumpulan aktivis Gerakan Anak Muda.

Perhimpunan berkenaan mendesak identiti MO1 dinyatakan dalam saman sivil Jabatan Kehakiman (DOJ) Amerika Syarikat, didedahkan dan dibawa ke muka

pengadilan.

Tambahnya, pihak Kementerian akan sentiasa memberikan peringatan kepada pelajar agar tidak mudah terpengaruh dengan anasir luar

serta budaya politik luar yang tidak sesuai di negara ini.

"Para pelajar di institut pengajian tinggi ini ingat pengorbanan ibu bapa yang banyak membantu. Jangan kecewakan harapan mereka dengan melakukan kegiatan di luar lingkungan yang ada," katanya.

Dalam pada itu, Idris turut menyokong hasrat UTHM untuk mengadakan kerjasama dengan universiti penerbangan dan aeroangkasa terbaik dunia, Universiti Embry-Riddle Aeronautical, Florida, Amerika Syarikat.

"Dengan adanya kerjasama berkenaan ia dapat memanfaatkan serta membangunkan landasan kapal terbang di Tanjung Laboh untuk kegunaan pelajar, manakala bagi pihak swasta sebagai pusat penerbangan dan penyelenggaraan pesawat," katanya.